Malay year 11 (Paper 2 – Reading)

Jawab soalan berikut berdasarkan petikan.

Simon menulis catatan ini dalam blognya

Aku kini berada di negara Jerman. Buat pertama kali dalam hidupku, aku terpaksa hidup jauh dari keluargaku di Malaysia. Bilik ini akan menjadi duniaku selama tiga tahun di negara baharu ini. Ya, aku gembira dapat bilik sendiri walaupun kecil tetapi tidak perlu lagi berkongsi dengan adikku Alan yang selalu ganggu aku belajar!

Semuanya jauh berlainan daripada kampung halamanku. Yang paling mengejutkan ialah cuaca – aku perlu pakaian tebal. Aku sememangnya cemas dan takut tetapi ibu dan ayah selalu menaruh kepercayaan kepada aku untuk rajin belajar dan mencapai cita-citaku.

Pada mulanya, kehidupan di sini sememangnya agak sunyi kerana kebanyakan pelajar lain terlalu sibuk untuk bergaul. Mujurlah aku mendapat seorang kawan baharu, Amir dari Bangladesh yang tiba setahun dahulu dan sudahpun menunjukkan selok belok tinggal dan belajar di sini.

Ada kesatuan untuk pelajar-pelajar dari luar negara yang menganjurkan kegiatan-kegiatan budaya jadi aku merancang untuk menyertai kesatuan ini. Anggota mendapat kelas percuma untuk memasak. Makanan Jerman hebat dan menjelang masa aku pulang aku mahu jadi pakar.

Aku sememangnya suka main gitar sejak kecil dan sekarang aku juga telah memujuk Amir dan beberapa orang pelajar asing untuk menubuhkan sebuah band. Sebaik sahaja kami dapat tempat untuk berlatih, kami akan mencari peluang untuk membuat persembahan. Amir agak bimbang, walau bagaimanapun dia bersetuju untuk menyertai kami.

Kami akan menggunakan alat-alat muzik dari negara-negara asal kami tetapi kami akan menyanyi dalam bahasa Jerman. Dengan cara itu, kami pasti akan menjadi lebih fasih.

Kalau kami berjaya menarik para pelajar tempatan ke persembahan kami, kami akan menyumbang terhadap usaha menjalinkan hubungan pelbagai budaya di universiti kami.

Ada banyak peluang bagiku semasa belajar di negara Jerman tetapi aku tidak boleh lupa mengapa aku di sini. Aku harus tumpu kepada usaha membawa pulang sekeping ijazah yang sangat-sangat dinantikan oleh ibu bapaku! Masih banyak masa untuk aku kejar impianku yang lain dan menjadikan kehidupan aku ini satu kejayaan.

Simon

LIVEWORKSHEETS

(a) Mengapakah Simon gembira mendapat biliknya sendiri?

..... [1]

(b) Apakah yang mendorong Simon menghadapi cabaran di tempat baharu ini?

..... [1]

(c) Mengapakah Simon bernasib baik berkenalan dengan Amir? Beri **dua** jawapan.

1 .....

2 ..... [2]

(d) Bagaimanakah Simon belajar cara memasak masakan Jerman? Beri **dua** jawapan.

1 .....

2 ..... [2]

(e) Apakah bakat terpendam yang Simon mahu pupuk di negara Jerman?

..... [1]

(f) Mengapakah Amir teragak-agak tentang rancangan Simon?

..... [1]

(g) Apakah faedah tambahan daripada rancangan Simon?

..... [1]

LIVEWORKSHEETS

(h) Apakah impak positif projek Simon terhadap universiti itu?

..... [1]

(i) Apakah lambang kejayaan bagi Simon selepas pengajiannya?

..... [1]

[Jumlah: 11]

LIVEWORKSHEETS